

NAMA : ..... Tingkatan : .....

**SULIT**

1103/1

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Ogos**

**2009**

2 1/4 jam



**BAHAGIAN PENGURUSAN  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH & SEKOLAH KLUSTER  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

---

**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

SULIT

2

### Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat ilustrasi di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan mempelajari sejarah negara**. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Sediakan payung sebelum hujan sering kali menjadi prinsip mereka yang gemar akan pelaburan. Sebagai pegawai bank, anda diminta menyampaikan ceramah tentang kepentingan pelaburan masa depan.

Tulis teks ceramah itu selengkapnya.

2. Terdapat pelbagai strategi untuk mengatasi masalah remaja. Pelbagai pihak khususnya ibu bapa haruslah prihatin dalam memastikan remaja sentiasa cemerlang dalam setiap aspek.

Huraikan pendapat anda tentang peranan ibu bapa dalam menangani masalah remaja masa ini.

3. Pendidikan industri ialah pendidikan yang menjurus kepada bidang teknologi untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir dalam bidang perindustrian.

Tulis rencana berkaitan dengan kesan pendidikan tersebut kepada masyarakat.

4. Penularan penyakit berjangkit seperti Influenza H1N1 memberikan impak kepada seluruh warga dunia. Kerjasama negara di seluruh dunia amat perlu dalam menangani krisis penyakit berjangkit ini.

Ulas peranan Malaysia dalam membasmi penyakit berbahaya ini.

5. Orang Daik memacu kuda,  
Kuda dipacu deras sekali;  
Buat baik berpada-pada  
Buat jahat jangan sekali.

Huraikan pendapat anda tentang kepentingan nilai murni dalam masyarakat hari ini.

**KERTAS SOALAN TAMAT**



**BAHAGIAN PENGURUSAN  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH & SEKOLAH KLUSTER  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PERATURAN PEMARKAHAN  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009  
BAHASA MELAYU  
Kertas 1**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 9 halaman bercetak

**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**

[30 markah]

**KRITERIA PENSKORAN**

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
<b>Cemerlang</b>	<p><b>26 – 30</b></p> <p>atas (28 – 30)</p> <p>(26 – 27) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>menepati</u></b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <b><u>tepat.</u></b></li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b><u>ungkapan yang menarik</u></b> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan)</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan <b><u>matang.</u></b></li> </ul>
<b>Kepujian</b>	<p><b>20 – 25</b></p> <p>atas (23 – 25)</p> <p>(20 – 22) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>menepati</u></b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <b><u>luas.</u></b></li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <b><u>jelas.</u></b></li> </ul>

**\*Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.**

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>	
------------------	---------------	--

		<b>KRITERIA</b>
<b>Memuaskan</b>	<b>15 – 19</b>  atas (17 – 19)  (15 – 16) bawah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan.</li><li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.</li><li>• Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li><li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li></ul>
<b>Kurang memuaskan</b>	<b>10 – 14</b>  atas (12 – 14)  (10 – 11) bawah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b>kurang</b> menepati tema bahan rangsangan.</li><li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>. Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li><li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li><li>• Idea <b>kurang relevan</b> dengan tema bahan rangsangan dan huraian <b>kurang jelas</b>.</li></ul>
<b>Pencapaian Minimum</b>	<b>01 – 09</b>  atas (06 – 09)  (01 – 05) bawah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li><li>• <b>Banyak</b> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li><li>• Idea <b>tidak</b> menepati tema bahan rangsangan.</li></ul>

**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**

**[100 markah]**

**PERINCIAN PEMARKAHAN**

**Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
  - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**.  
Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

( ) = Kesalahan isi

\_\_\_\_\_ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

*KRITERIA*

<b>KRITERIA</b>	<b>DESKRIPSI</b>
<b>1. BAHASA</b> (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kegramatisan – kata (morfologi) - ayat (sintaksis)</li><li>• Tanda baca</li><li>• Ejaan</li></ul>
<b>2. LARAS</b> (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemilihan kosa kata</li></ul>
<b>3. IDEA (ISI)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tema</li><li>• Isi utama</li><li>• Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)</li><li>• Kerelevanan</li></ul>
<b>4. PENGOLAHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Wacana</li><li>• Logik</li><li>• Pemerenggan</li><li>• Format</li></ul>
<b>5. GAYA BAHASA</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Keindahan bahasa</li><li>• Ungkapan</li><li>• Peribahasa</li></ul>



KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul</li> <li>• Laras bahasa sesuai dengan tugas</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat</li> <li>• <b>Idea relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b></li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
KEPUJIAN	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b></li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat</li> <li>• <b>Idea relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertai dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa masih</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
-----------	--------	----------

<i>BAIK</i>	<p><b>51 - 65</b></p> <p>(58 – 65)</p> <p>(51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b><u>ayat majmuk</u></b> gramatis tetapi terdapat <b><u>kesalahan yang minimum.</u></b></li> <li>• <b><u>Ejaan</u></b> dan <b><u>tanda baca masih</u></b> betul.</li> <li>• <b><u>Laras bahasa</u></b> sesuai mengikut tugas.</li> <li>• Penggunaan <b><u>kosa kata umum.</u></b></li> <li>• <b><u>Idea masih relevan</u></b> mengikut tugas, huraian isi <b><u>masih</u></b> jelas dan contoh <b><u>masih</u></b> sesuai.</li> <li>• <b><u>Pengolahan masih</u></b> menarik, dan pemerenggan <b><u>masih</u></b> sesuai.</li> <li>• <b><u>Wacana masih</u></b> lengkap</li> <li>• Penggunaan <b><u>unsur bahasa masih bervariasi.</u></b></li> <li>• <b><u>Gaya bahasa kurang menarik</u></b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b><u>kurang berkesan.</u></b></li> </ul>
<i>MEMUASKAN</i>	<p><b>36 – 50</b></p> <p>(43 – 50)</p> <p>(36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> terhad.</li> <li>• Ayat <b><u>kurang gramatis.</u></b></li> <li>• <b><u>Ejaan</u></b> dan <b><u>tanda baca</u></b> betul tetapi terdapat <b><u>kesalahan yang minimum.</u></b></li> <li>• <b><u>Laras bahasa</u></b> kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b><u>kosa kata umum</u></b> dan terhad.</li> <li>• <b><u>Idea masih relevan</u></b> mengikut tugas, huraian isi <b><u>kurang jelas</u></b> dan contoh <b><u>kurang</u></b> sesuai.</li> <li>• <b><u>Pengolahan</u></b> kurang menarik, pemerenggan <b><u>kurang</u></b> sesuai.</li> <li>• <b><u>Wacana masih / kurang</u></b> lengkap</li> <li>• Penggunaan <b><u>unsur bahasa</u></b> kurang bervariasi.</li> <li>• <b><u>Gaya bahasa</u></b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b><u>kurang berkesan.</u></b></li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KURANG MEMUASKAN	21 – 35	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>kata</b> kurang tepat.</li> <li>• Ayat <b>tidak gramatis</b> tetapi masih difahami.</li> <li>• Terdapat <b>kesalahan ejaan dan tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• <b>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</b> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan <b>contoh tidak sesuai</b>.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li>• <b>Unsur bahasa</b> tidak bervariasi.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>lemah</b>.</li> </ul>
	(28 – 35)	
	(21 – 27)	
PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseluruhan menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat</b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> <li>• Kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>• <b>Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/</b> tidak berkembang dan <b>contoh tidak sesuai</b>.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li>• Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li> </ul>
	(11 – 20)	
	(01 – 10)	

<u>Cara menulis</u>	K	-	Peringkat markah	<u>Contoh</u>	K	-	75
	- E	-	Mak 3 markah		- E	-	03
	- F	-	Mak 2 makah		- F	-	02
	Jumlah	-	Markah bersih		<u>J</u>	-	<u>70</u>

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

SULIT

12

NAMA : ..... Tingkatan : .....

SULIT

1103/2

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Ogos**

**2009**

2 ½ jam



**BAHAGIAN PENGURUSAN  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH & SEKOLAH KLUSTER  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

---

**BAHASA MELAYU**  
Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), dan Soalan 2 (d) berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

**Soalan 1: Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu dan kekangan yang dihadapi. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Tanggal 31 Ogos, setiap tahun Malaysia meraikan kemerdekaan daripada penjajahan British. Dalam tempoh tersebut pelbagai kemajuan dan pembangunan yang membanggakan mampu dicapai oleh negara kita. Pascamerdeka, Malaysia berhadapan dengan cabaran baru untuk membina identiti bahasa Melayu agar setaraf dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi negara. Pelbagai langkah perlu dilaksanakan untuk merealisasikan matlamat tersebut.

Antara langkah utama yang perlu dilakukan oleh rakyat Malaysia adalah memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Walaupun agenda ini sudah lama diperjuangkan, matlamat tersebut masih belum tercapai. Namun, usaha memantapkan penggunaan bahasa Melayu dengan bersungguh-sungguh dapat meningkatkan jati diri rakyat. Hal ini perlu diberikan perhatian yang serius kerana kesan penjajahan Inggeris dan arus globalisasi yang melanda telah meminggirkan kedaulatan bahasa kebangsaan. Negara yang mempunyai sejarah yang panjang seperti Jepun dan Perancis bangga akan bahasa ibunda masing-masing. Mereka meremehkan bahasa asing dan cuba mewujudkan peraturan agar bahasa asing tidak mengatasi kedudukan dan kepentingan bahasa kebangsaan.

Mereka yang bertanggungjawab mempamerkan bahasa kebangsaan pada papan tanda tanpa memasukkan penggunaan bahasa asing khususnya bahasa Inggeris. Jika berkunjung ke luar negara, sedikit banyak pengunjung perlu memahami bahasa kebangsaan mereka untuk memudahkan komunikasi. Rakyat negara tersebut berasa bangga menggunakan bahasa kebangsaan walaupun kemahiran menguasai bahasa kedua dianggap penting dan digalakkan untuk memudahkan mereka berinteraksi dengan orang asing. Oleh sebab itu, sekolah memainkan peranan utama dalam penggunaan bahasa yang tepat dan betul

Rakyat di negara ini tidak mencapai kemajuan sebenar sebagai bangsa merdeka sekiranya bahasa ibunda tidak diletakkan di tempat yang sewajarnya. Matlamat ini tidak mampu dicapai dengan segera kerana memerlukan kesedaran dan pendidikan dalam tempoh yang panjang. Bagi mencapai matlamat itu, kerajaan wajar mengadakan kempen yang berkesan.

Bahasa merupakan identiti sesebuah negara. Satu cara untuk menyamatarafkan bahasa Melayu agar setanding dengan bahasa di negara maju adalah dengan mengukuhkan dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu baku dalam kalangan semua kaum yang mampu *memberikan imej yang positif* kepada Malaysia. Selain memperkasakan bahasa, peningkatan kualiti wacana nasional perlu dilestarikan. Pakar-pakar bahasa dan pihak media perlu

mengambil tanggungjawab masing-masing untuk membantu rakyat menguasai bahasa Melayu dengan sebaik mungkin. Ahli akademik disarankan tidak terlalu leka di menara gading sahaja sehingga buah fikiran mereka tidak sampai kepada rakyat. Mereka digalakkan lebih banyak menulis dan diberi ruang untuk memberikan pendapat di media.

Pengukuhan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan penyebaran luas idea yang kritis dan progresif mampu menyumbang kepada pembinaan negara. Kemajuan intelektual perlu seiring dengan kemajuan fizikal agar pembangunan negara ini berjalan dengan lancar.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana  
*Membina Identiti Malaysia oleh Haris Zalkapli, Dewan Masyarakat Jun 2007*)

### **Soalan 2: Pemahaman**

[35 markah]

Jawab **semua** soalan

#### **Soalan 2(a) Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan **Soalan 1** di atas, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *memberikan imej yang positif*.  
[2 markah]
- (ii) Nyatakan sebab-sebab bahasa Melayu perlu dimartabatkan di negara kita.  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh pihak sekolah dalam memartabatkan penggunaan bahasa Melayu?  
[4 markah]

Soalan 2 (b) Petikan Prosa Moden

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

”Bagaimana dengan Eyrique? Sudah ditemui?”

Pertanyaan Strenn berbau sinis.”Lupakan dia Annyss, kalau kau menjadi isteriku sekaligus kau adalah Permaisuri Alstonia. Tapi kalau Eyrique naik takhta, kau tidak akan dapat apa-apa.” Strenn dapat merasakan kemenangannya.”Untuk pengetahuan kau, aku sudahpun berjumpa dengan Eyrique.” Annyss cukup nekad dengan jawabannya.”Esok akan kubawa dia ke istana. Bersedialah!” Dengan hamburan kata-kata itu, Annyss meninggalkan Strenn yang amat terkejut. Air mukanya jelas berubah tatkala Annyss menekan perkataan’sudah’.

Annyss sendiri agak tergamam dengan tindakannya. Entah mengapa lancar benar lidahnya mendustai Strenn. Dalam diam dia memasang tekad. Eyrique harus muncul esok walau apa sekalipun halangannya.

Annyss menghempaskan diri di atas katil peraduannya. Kekecohan ini timbul semenjak Maharaja Alstonia yang ke – 73 mangkat. Eyrique sebagai pewaris tunggal belum mencapai usia kedewasaannya. Oleh itu, adinda baginda dilantik sebagai pemangku. Namun setelah masanya tiba, kehilangan Eyrique yang mendadak menjadi satu misteri. Ada yang berkata dia merajuk kerana ayahanda saudaranya enggan menyerahkan takhta kepadanya. Kemangkatan bonda Annyss pula menambahkan kekeruhan suasana.

(Dipetik daripada cerpen *Annyss Sopheilia* dalam antologi *Anak Laut* , Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Apakah masalah-masalah yang berlaku di Alstonia?

[3 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, apakah kesan yang akan timbul sekiranya pemimpin bersikap mementingkan diri sendiri?  
Berikan alasan anda. [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Annyss Sophellia dalam petikan cerpen di atas dan **dua** perwatakan lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen . [3 markah]

### Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik

*Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutny dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Maka Dara Zulaikha Tingkap pun menyuruh keluaran kuda itu dan diberikan dengan kekangnya dan pelananya. Maka Perman Isap 2 dengan Orang Tikar itu, maka kedua mereka itu pun bersegera keluar membawa kuda itu kepada Tun Beraim Bapa, maka sultan pun berangkatlah keluar ke medan akan melihat Tun Beraim Bapa bermain-main itu. Maka dilihat oleh Tun Beraim Bapa sultan keluar itu, maka Tun Beraim Bapa pun berdiri dengan khidmatnya di hadapan sultan itu lalu ia sujud. Maka sultan pun bersabda kepada Bermamat P.nti. dan Maidana P.nti. ” Katakanlah kepada anakku Si Beraim Bapa, aku menyuruhkan ia menaiki kuda itu di hadapan jamu helat asing, tandilnya lasykar pendekar Keling itu, suruh pacu kudanya itu ke Tukas.” Maka Bermamat P.nti. dan Maidana P.nti. pun *menjunjungkan sabda yang maha mulia*

kepada Tun Beraim Bapa. ”Ya tuanku Tun Beraim Bapa, sabda paduka ayahanda naiklah tuanku ke atas kuda itu di hadapan jamu orang helat asing lasykar pendekar Keling itu.”

Maka Tun Beraim Bapa pun menyembah sultan lalu baginda naik ke atas kudanya. Maka dipacunya lalu ditarikkannya di medan. Maka ia pun berkhidmat kepada sultan, tatkala ia akan naik kuda itu, maka dipacunya pula. Maka (kuda) itu pun bangkit lalu ke udara. Maka dipacunya pula lalu dihalakannya pula ke Tukas. Maka dengan seketika itu juga lenyaplah daripada mata sultan. Maka sultan pun berbiji sabak, katanya ”Wah, anakku lenyaplah ia! Di mana kutaha engkau kucari, kataku tiada diturutnya kerana kuda itu gila tiada pernah dikenderai orang.” Maka Tun Beraim Bapa pun tiba-tiba dengan sesaat itu juga raiba ia di hadapan sultan



itu serta bermain-mainkan kudanya seperti merak menggigal lakunya. Maka sultan pun haibat melihat dia seperti gajah meta lakunya.

(Dipetik daripada “ *Kepahlawanan Tun Beraim Bapa*”  
dalam Antologi *Kerusi*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *menjunjungkan sabda yang maha mulia* dalam petikan di atas?  
[ 2 markah ]
- (ii) Nyatakan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa Tun Beraim Bapa seorang yang taat kepada sultan.  
[ 3 markah ]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah sultan menyuruh Tun Beraim Bapa menunjukkan kehebatannya di hadapan pendekar Keling?  
[ 3 markah ]

## 2(d) Petikan Puisi

*Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

### DERITA PERTAMA

Adam ialah bapa kita  
yang tercampak dari seberang dunia  
kerana mencari syurga  
di celah buah khuldi.

Waktu terlantar di dunia baru  
hari tengah malam  
ia tidak mengerti apa yang terjadi  
mulutnya bisu.

Ia melihat sekeliling  
mulai merasa cemas akan kegelapan  
segumpal awan hinggap ke kening

ia tidak tahu apakah itu.

Sepanjang malam ia tercengang  
dari hatinya mengalir sungai duka  
bagaimana akan kutempuh rimba kegelapan  
tubuh seorang.

Sepanjang malam air matanya  
membelah muka bulan.

**Suhaimi Haji Muhamad**

*Antologi Anak Laut,*

Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan maksud rangkap kedua sajak di atas. [ 3 markah ]
- (ii) Apakah persediaan yang perlu ada pada seseorang itu apabila pergi ke tempat yang baru? Kemukakan **tiga** pandangan anda. [ 3 markah ]
- (iii) Huraikan pengajaran-pengajaran yang terdapat dalam puisi tersebut. [ 3 markah ]

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab *semua* soalan

- (a) Tulis **dua** ayat bagi tiap-tiap kata di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan kata itu sebagai peribahasa dan nama khas.
- |      |         |   |                    |
|------|---------|---|--------------------|
| i.   | tawar   | - | tawar - menawarkan |
| ii.  | simpang | - | simpang - perenang |
| iii. | turun   | - | turun - temurun    |

[6 markah]

- (b) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian pisahkan ayat-ayat dalam petikan kepada enam ayat tunggal dengan mengekalkan maksud dan struktur asalnya.*

Pembangunan Malaysia yang pesat telah menarik kemasukan pekerja asing. Mereka datang kerana negara kita aman dan menawarkan peluang pekerjaan yang banyak. Mereka memperoleh gaji yang lumayan kerana mereka sanggup bekerja keras.

[6 markah]

- (c) *Dalam ayat-ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

- i. Pekerja-pekerja itu sedang memperlebarkan lebuhraya menghala ke Kuala Lumpur dengan tekun.
- ii. Pegawai dari institusi pendidikan swasta diundang sebagai penal dalam sesi wawancara yang bertajuk 'Menggunakan Komputer Dalam E-Pembelajaran'.
- iii. Teknologi maklumat dan komunikasi telah menjadi satu kemestian dalam penghidupan manusia moden hari ini.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata** atau **istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- i. Sejak dari peristiwa itu, Norisah tidak pernah menengok ibunya di kampung.
- ii. Kita mestilah saling bantu-membantu untuk menghasilkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

- iii. Idwal menerangkan tentang faedah aktiviti kitar semula yang dapat mengatasi masalah kekurangan tapak penghapusan sampah.

[6 markah]

- (e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan **tiga** peribahasa atau kata-kata hikmat yang menggambarkan tiga situasi yang berbeza.*

Asma dan Dira ialah dua orang sahabat karib yang sentiasa melakukan sesuatu perkara bersama-sama sejak di bangku sekolah. Mereka berjanji untuk mengeluarkan modal sebanyak RM 10,000.00 seorang. Tetapi malangnya setelah semua persediaan dilakukan oleh Asma, tiba-tiba Dira menarik diri dan membatalkan perjanjian tersebut. Asma yang telah bersedia dari segi mental dan fizikal serta modal yang mencukupi berasa kecewa akan tindakan Dira. Akhirnya, Asma telah menyewa sebuah restoran yang strategik kedudukannya dan berpotensi untuk maju jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh.

[6 markah]

#### **Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab **kedua-dua** soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel yang pernah anda pelajari.

- (i) *Terminal Tiga* karya Othman Puteh
  - (ii) *Perlumbaan Kedua* karya Marwilis Hj. Yusof
  - (iii) *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said
  - (iv) *Bukit Kepong* karya Ismail Johari
  - (v) *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain
  - (vi) *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah
  - (vii) *Julia* karya Abu Hassan Morad
  - (viii) *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Setiap novel mempunyai keistimewaan-keistimewaan yang tersendiri. Nyatakan **dua** perkara yang anda anggap menarik tentang sebuah novel yang anda kaji.  
[7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, bandingkan tema yang terdapat dalam novel-novel tersebut.  
[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



**BAHAGIAN PENGURUSAN  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH & SEKOLAH KLUSTER  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PERATURAN PEMARKAHAN  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak

Markah penuh Kertas Dua ialah 110 markah

### Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

(a)	Isi	-	20 markah
(b)	Bahasa	-	10 markah

(a) **Nota :**

- i. Panduan mengira perkataan  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan.
  - kata nama khas
  - perkataan berganda
  - kata depan *di* dan *ke*
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- ii. Kira dan **tanda** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- iv. Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
<b>Jumlah Markah</b>											20

**Bahasa [10 Markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti jadual berikut:

<b>Peringkat</b>	<b>Markah Isi</b>	<b>Markah Bahasa</b>	<b>Huraian Bahasa</b>
Baik	18 - 20	9 - 10	- Kesenambungan isi baik. - Struktur ayat / tatabahasa baik - Kosa kata luas. - Tanda baca / ejaan betul.
	15 - 17	7 - 8	
Sederhana	2 - 14	6 - 7	- Kesenambungan isi masih baik. - Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan. - Kosa kata masih memuaskan. - Tanda baca / ejaan juga memuaskan.
	8 - 11	4 - 5	
Lemah	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan.

**Nota :**

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataannya kurang daripada 120 patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum**:10 markah]



**Soalan 1: Rumusan**  
[30 markah]

***Pengenalan***

Petikan membincangkan **cara-cara untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat** . (2 m)

***Isi tersurat (langkah-langkah memantapkan penggunaan bahasa Melayu)***

1. memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu (2 m)
2. mewujudkan peraturan agar bahasa asing tidak mengatasi kedudukan dan kepentingan bahasa kebangsaan (2 m)
3. Mereka yang bertanggungjawab mempamerkan bahasa kebangsaan pada papan tanda tanpa memasukkan penggunaan bahasa asing khususnya bahasa Inggeris (2 m)
4. Kerajaan wajar mengadakan kempen yang berkesan. (2 m)
5. mengukuhkan dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu baku dalam kalangan semua kaum (2 m)
6. peningkatan kualiti wacana nasional perlu dilestarikan. (2 m)
7. Pakar-pakar bahasa dan pihak media perlu membantu rakyat menguasai bahasa Melayu dengan sebaik mungkin. (2 m)
8. Ahli akademik digalakkan lebih banyak menulis dan diberi ruang untuk memberikan pendapat di media. (2 m)

***Isi tersirat (Kekangan yang dihadapi)***

1. Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama (2 m)
2. Sikap masyarakat yang memandang tinggi kepada bahasa Inggeris (2 m)
3. Kempen yang diadakan tidak bersungguh-sungguh (2 m)
4. Golongan profesional berasa lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris dalam urusan rasmi. (2 m)
5. Rakyat lebih selesa menggunakan bahasa pasar semasa berkomunikasi/ menggunakan bahasa rojak. (2 m)

***Kesimpulan***

Kesimpulannya, semua pihak *perlu* bersungguh-sungguh untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi / dalam kalangan masyarakat (1 m) *agar* bahasa Melayu mampu menjadi bahasa perpaduan / agar bahasa Melayu setaraf dengan bahasa-bahasa lain di dunia (1 m).

**Soalan 2: Pemahaman**  
**Soalan 2**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a):9 markah
- Soalan 2(b):9 markah
- Soalan 2(c):8 markah
- Soalan 2(d):9 markah

**Perhatian bagi soalan 2(a) hingga soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah

DESKRIPSI	MARKAH
-Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup + ayat gramatis (ICAG)	2
-Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup (IXC, AG)	1
-Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis (ICAG)	3
-Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis (IC, AXG)	2
-Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis (IXC, AG)	2
-Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis (IXC, AXG)	1
-Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas ayat gramatis .	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup dan relevan dengan tugas dan ayat gramatis (ICAG)	4
-Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis (IC, AXG)	3
-Isi tidak cukup /kurang relevan tetapi ayat masih gramatis (IXC, AG)	2
-Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis (IXC, AXG)	1
-Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

**Soalan 2(a) Petikan Umum**

**1. Maksud rangkai kata** *memberikan imej yang positif*

- i. menampilkan kesan / impak / citra yang baik / diterima masyarakat  
[2 markah]

**2. Sebab-sebab bahasa Melayu perlu diperkasakan**

- i. memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu
- ii. matlamat menjadikannya sebagai bahasa ilmu masih belum tercapai
- iii. usaha memantapkan penggunaan bahasa Melayu dengan bersungguh-sungguh dapat meningkatkan jati diri rakyat.
- iv. kesan penjajahan Inggeris dan arus globalisasi yang melanda telah meminggirkan kedaulatan bahasa kebangsaan  
(terima **3 jawapan** sahaja) [3 markah]

**3. Usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh pihak sekolah dalam memartabatkan penggunaan bahasa Melayu:**

- i. Mewajibkan perhimpunan dan acara rasmi dijalankan dalam bahasa Melayu
- ii. Mengadakan aktiviti kokurikulum yang melibatkan pertandingan-pertandingan dalam bahasa Melayu.
- iii. Meletakkan papan-papan tanda di kawasan sekolah dalam bahasa Melayu yang betul.
- iv. Mengadakan kursus tentang penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam situasi formal kepada guru dan kakitangan sekolah.  
(terima 4 jawapan yang sesuai) [4 markah]

**Soalan 2(b) Petikan Cerpen**

**(i) Masalah-masalah yang berlaku di Alstonia**

- Maharaja alstonia yang ke – 73 telah mangkat. 1m
  - Eyrique sebagai pewaris tunggal belum lagi dewasa 1m
  - Apabila masanya tiba kehilangan Eryque yang mendadak menjadi misteri 1m
  - Bonda Annyss pula mangkat 1m
- (Terima mana-mana **3** jawapan)

[Maksimum : 3 markah]

(ii) **Kesan yang akan timbul ialah**

- pemimpin akan dibenci rakyat kerana rakyat tidak diberi perhatian kepada rakyat 1m
- masyarakat akan berpecah belah kerana tiada kerjasama antara pemimpin dengan rakyat 1m
- negara tidak akan mencapai kemajuan kerana pemimpin tidak menumpukan perhatian kepada pembangunan negara 1m

[Maksimum : 3 markah]

(iii) **Satu perwatakan daripada petikan ialah**

- Berani / yakin -kerana nekad memberikan jawapan kepada Strenn walau pun terpaksa berbohong 1m

**Dua perwatakan daripada keseluruhan cerpen ialah**

- Bertanggungjawab –berusaha untuk memastikan adiknya Eyrque mendapatkan haknya sebagai pemerintah Alstonia 1m
- Gigih- berusaha untuk mencari kembarnya Eyrque yang hilang sampai ke bumi 1m

[Maksimum : 3 markah]

**Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik**

(i) **Maksud rangkai kata menjunjungkan sabda yang maha mulia ialah**

- menyampaikan perintah/arahan sultan/raja 2m

(ii) **Bukti yang menunjukkan bahawa Tun Beraim Bapa seorang yang taat kepada sultan.**

- berdiri dengan sopan/penuh taat di hadapan sultan lalu sujud 1m
- mematuhi perintah sultan menunggang kuda di hadapan orang asing 1m
- mengikut kehendak sultan agar memacu kudanya ke Tukas 1m

[Maksimum : 3 markah]

(iii) **Sultan menyuruh Tun Beraim Bapa menunjukkan kehebatannya di hadapan pendekar Keling kerana**

- Sultan mahu menunjukkan bahawa rakyat baginda mempunyai ilmu kepahlawanan yang luar biasa. 1m
- Meningkatkan imej sultan supaya dipandang tinggi 1m
- Untuk menakutkan pendekar Keling agar meninggalkan negeri baginda/tidak menyerang negeri baginda 1m  
(Terima 3 jawapan yang sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

**Soalan 2 (d) Petikan Puisi**

(i) **Maksud rangkap kedua sajak 'Derita Pertama'**

- Nabi Adam tercampak ke dunia yang baru pada waktu tengah malam 1 m
- Nabi Adam tidak memahami apa yang berlaku 1 m
- Nabi Adam tidak berkata apa-apa 1 m

[Maksimum : 3 markah]

(ii) **Persediaan yang perlu ada pada seseorang itu apabila pergi ke tempat yang baru.**

- Persediaan emosi agar dapat menghadapi kejutan budaya baru 1 m
- Persediaan dari aspek kewangan agar tidak menghadapi kesukaran hidup 1 m
- Mempunyai ilmu dan maklumat/ pengetahuan tentang tempat tersebut 1 m

[Maksimum : 3 markah]

(iii) **Pengajaran-pengajaran terdapat dalam sajak ialah:**

- Kita mestilah taat kepada perintah Allah – contohnya, Nabi Adam tercampak ke dunia kerana melanggar larangan Allah 1m
- Kita hendaklah sentiasa tenang ketika menghadapi kesusahan – contohnya, Nabi Adam berasa cemas apabila tercampak seorang diri ke dunia. 1m
- Janganlah kita terlalu mengikut emosi apabila ditimpa kedukaan – contohnya, Nabi Adam sangat berdukacita kerana memikirkan masalah yang bakal dihadapi kelak. 1m

[Maksimum : 3 markah]

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**  
**Soalan 3**

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a)	:	<b>6</b> markah
Soalan 3(b)	:	<b>6</b> markah
Soalan 3(c)	:	<b>6</b> markah
Soalan 3(d)	:	<b>6</b> markah
Soalan 3(e)	:	<b>6</b> markah

**Perhatian bagi Soalan 3 (a)**

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  **markah** bagi kesalahan **ejaan / jalan bahasa/ tanda baca** daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0 markah**
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  **markah** bagi setiap ayat
7. Jika semua perkataan diguna dalam **satu ayat**, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas tolak  $\frac{1}{2}$  **markah**.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.

**(a) Bina ayat**

**i. tawar**

- tidak berasa apa-apa (makanan, minuman dan lain-lain)
- tidak mujarab
- hilang minat –(hatiku tawar.....)
- hilang kemarahan (kemarahannya sudah tawar)
- tidak bersemangat/ tidak sedap didengar (pidatonya tawar)

**tawar – menawar**

- saling meminta dikurangkan harganya

**ii. simpang**

- sesuatu yang melencong atau bercabang daripada yang lurus
- berpisah daripada yang lurus

**simpang - perenang**

- porak peranda,
- keadaan yang porak peranda
- keluarga yang bermasalah

**iii. turun**

- dari tempat yang lebih tinggi ke tempat yang lebih rendah
- dari atas ke bawah
- lawan naik

**turun – temurun**

- berpindah-pindah daripada bapa kepada anak daripada anak kepada cucu dan seterusnya.
- daripada nenek-moyang diturunkan kepada cucu.

[6 markah]

**(b) Pisahkan ayat kepada enam ayat**

1. Pembangunan Malaysia pesat.
2. Pembangunan Malaysia menyebabkan kemasukan pekerja asing
3. Mereka datang kerana negara kita aman.
4. Negara kita menawarkan peluang pekerjaan yang banyak .
5. Mereka mperoleh gaji yang lumayan.
6. Mereka sanggup bekerja keras.

[6 markah]

**(c) Kesalahan ejaan dan kesalahan penggunaan imbuhan**

- |      |             |   |             |
|------|-------------|---|-------------|
| i.   | memperlebar | - | memperlebar |
|      | lebuhraya   | - | lebuhraya   |
| ii.  | penal       | - | panel       |
|      | menggunakan | - | penggunaan  |
| iii. | kemistian   | - | kemestian   |
|      | penghidupan | - | kehidupan   |

[6 markah]

**(d) Kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa.**

- |     |                       |   |                                |
|-----|-----------------------|---|--------------------------------|
| iv. | sejak dari            | - | sejak / dari                   |
|     | menengok              | - | menziarahi                     |
| v.  | saling bantu-membantu | - | saling membantu/bantu-membantu |
|     | menghasilkan          | - | mewujudkan / melahirkan        |
| vi. | menerangkan tentang   | - | menerangkan                    |
|     | penghapusan           | - | pelupusan                      |

[6 markah]

(e) **Tiga peribahasa atau kata-kata hikmat yang menggambarkan tiga situasi yang berbeza.**

- i. Bagai isi dengan kuku
- ii. Kerbau dipegang talinya manusia dipegang janjinya / sepatah kata terhutang
- iii. Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.

[6 markah]

#### Soalan 4

Markah penuh 15 markah

#### Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a)
  - i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
  - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
  - iii) Beri 1 markah untuk 1 isi – keistimewaan novel
  - iv) Beri 1 markah untuk 1 sebab/alasan .
  - v) Markah bagi 2 isi - maksimum 4 markah.
  - vi. Markah bahasa maksimum 3 markah. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi.
  - vii) Markah bahasa diberi seperti berikut:
    - Baik = 3 markah
    - Sederhana = 2 markah
    - Lemah = 1 markah
  - viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
  - ix) Calon tidak menjawab = 0 markah.

[Maksimum: 7 markah]

- (b)
  - i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
  - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
  - iii) Jawapan mesti meliputi sekurang-kurangnya satu tema bagi setiap novel.
  - iv) Aspek Pemarkahan – Berikan 1 markah untuk 1 tema bagi setiap novel
    - Berikan 2 markah untuk contoh / huraian yang lengkap / jelas
    - Berikan 1 markah untuk contoh / huraian yang tidak lengkap / jelas
    - Maksimum markah setiap isi = 3 markah
  - v) Huraian tanpa menyatakan tema novel = 0 markah
  - vi) Markah isi maksimum = 6 markah



- vii) Markah bahasa maksimum = 2 markah. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi
- viii) Markah bahasa diberi seperti berikut:
  - Baik = 2 markah
  - Lemah = 1 markah
- ix) Jika calon menjawab dan markah isi = 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- x) Calon tidak menjawab = 0 markah

[Maksimum: 8 *markah*]

**Peringatan: Sila sesuaikan skema jawapan mengikut zon masing-masing.**

*Soalan 1 ( 7 markah)*

NOVEL	KEISTIMEWAAN	CONTOH/HURAIAN
Bukit Kepong	1. Jalan ceritanya yang sangat Menarik.	Othman menyertai pasukan polis dan menghadapi kesusahan semasa mempertahankan Balai Polis Bukit Kepong.
	2. Menerapkan unsur patriotik di jiwa pembaca.	Kesungguhan anggota polis yang diketuai oleh Sarjan Jamil membuktikan mereka mempunyai semangat juang yang tinggi.
Konserto Terakhir	1. Watak utama menanggung penderitaan yang berpanjangan.	Hilmi menjadi mangsa cercaan daripada Datin Salmah dan Datuk Johari. Dia juga memendam perasaan terhadap Hayati; Dia juga menghadapi cabaran untuk menjadi ahli muzik yang profesional.
	2. Jalan ceritanya yang sangat menarik.	Bermula dengan kehidupan dari kampung, Hilmi menempuhi cabaran yang mendatang.
Terminal Tiga	1. Watak yang menarik	Rimpa yang mempunyai perwatakan menarik kerana akhirnya memeluk agama Islam.
	2. Jalan cerita yang menonjolkan kelainan dan menarik	Rimpa mencari ayah setelah sepuluh tahun menghilangkan diri akibat membalak.
Seteguh Karang	Watak yang menonjolkan kekuatan semangat seorang wanita.	Awanis menunjukkan semangat yang kental apabila begitu gigih menghadapi dugaan kematian ibu bapa, kakaknya yang tidak menerima realiti tersebut dan masalah latihan yang mencabar.

**Soalan 2 (8 markah)**

<b>NOVEL</b>	<b>TEMA</b>	<b>CONTOH/HURAIAN</b>
Bukit Kepong	Kegigihan pejuang tanah air yang bersungguh-sungguh mempertahankan tanah air.	Anggota pasukan polis seramai 18 orang sanggup berdepan dengan pengganas komunis yang berjumlah 180 orang demi mempertahankan balai polis Bukit Kepong.
Konserto Terakhir	Kegigihan seorang anak muda menghadapi cabaran dalam kehidupannya dan berusaha untuk mencapai cita-cita.	1. Hilmi yang berasal dari kampung menghadapi cabaran apabila dihina oleh Datin Salmah. Dia bekerja sebagai tukang kebun di rumah tersebut.  2. Hilmi yang amat meminati bidang muzik menghadapi cabaran untuk berjaya dalam bidang tersebut. Dia menjadi seorang pemuzik yang disegani sehingga mengetuai Orkestra Perdana di Dewan Tuanku Canselor Universiti Malaya.
Terminal Tiga	Kegigihan seorang anak muda mencari ayahnya dan membebaskan diri daripada kemiskinan	Rimpa yang berasal dari Sabah mencari bapanya di samping menimba pengalaman belajar di ASK.
Seteguh Karang	Kegigihan seorang anak muda menghadapi cabaran dalam kehidupannya dan berusaha untuk mencapai cita-cita.	1. Awanis belajar bersungguh-sungguh belajar di ITM Perlis. 2. Awanis juga gigih menjalani latihan praktikal di Felde Ulu Terengganu.

SULIT

36